

Ruj.Kami : PMS/UP/656-3 JLD.3 (28)

Tarikh : 29 Oktober 2007

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Jabatan Wilayah Persekutuan Labuan

Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Perikanan Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH

BIL. 8 TAHUN 2007

PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

BEKALAN DAN PERKHIDMATAN PEROLEHAN PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) melalui pemerhatian terhadap urusan pentadbiran kontrak bekalan dan perkhidmatan bagi perolehan persekutuan

mendapati permohonan pelanjutan kontrak dikemukakan selepas tempoh kontrak telah tamat. Amalan ini bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan dan perjanjian kontrak yang ditandatangani.

3. Berpandukan perjanjian kontrak, terdapat klausa yang menetapkan pelanjutan hendaklah dipohon sekurang-kurang enam bulan sebelum tempoh kontrak tamat.

4. Sementara itu para 10, SPP Bil. 2/99 dan AP. 201 juga menetapkan syarat-syarat pelanjutan adalah seperti berikut:

4.1 Pelanjutan tempoh kontrak tidak melibatkan perubahan harga;

4.2 Pelanjutan tempoh kontrak hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah dua (2) tahun; dan

4.3 Tambahan kuantiti atau nilai tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada maksimum RM5 juta dan nilai kontrak keseluruhan tidak melebihi RM15 juta.

5. Justeru berkuatkuasa mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan, permohonan yang tidak mematuhi syarat-syarat seperti di para 3 dan 4 tidak akan dipertimbangkan. Mana-mana perolehan yang tidak mematuhi ketetapan ini akan disyorkan dibayar di bawah AP 59. Selain itu, Kertas Taklimat Pelanjutan Kontrak hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah dalam tujuh (7) salinan.

6. Sehubungan dengan ini, perhatian dan kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan memperkemaskan lagi pelaksanaan sesuatu urusan tender berpandukan peraturan-peraturan dan panduan kewangan yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MOHD. RANI BIN SAUD)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.

Sk Setiausaha Persekutuan Sabah
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Setiausaha Kementerian Kewangan Negeri Sabah